

27 MAY 2001

Kayveas-Kerusi

PPP MAHU LAPAN KERUSI PARLIMEN DAN 18 KERUSI NEGERI

IPOH, 27 Mei (Bernama) -- Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) yang tidak mendapat sebarang kerusi untuk ditandingi pada pilihan raya umum lalu akan meminta diberikan lapan kerusi parlimen dan 18 kerusi negeri pada pilihan raya umum akan datang.

"Apa yang saya faham ialah ada banyak pertambahan kerusi apabila persempadanan semula yang dijalankan sebelum pilihan raya umum akan datang," kata presiden PPP Datuk M. Kayveas di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau berkata PPP akan menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) untuk membuat keputusan terhadap permintaan itu.

"Tetapi menjadi tugas saya untuk meminta kerana melihat kepada kekuatan, kerja-kerja dan usaha anggota parti, saya perlu memainkan peranan untuk membuat permintaan," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis tanda tangan sumbangan tapak seluas 25 hektar bagi cadangan Universiti PPP di Bandar Seri Iskandar.

Tapak bernilai RM5 juta itu disumbangkan oleh Hua Yang Development, pemaju projek Bandar University di Seri Iskandar. Antara yang hadir pada majlis itu ialah pengarah urusan syarikat itu Ho Mok Heng dan pengarahnya Datuk Dr Ting Chew Peh.

Mengenai universiti itu, Kayveas berkata fasa pertama yang dijangka menelan kos kira-kira RM40 juta akan dimulakan dalam tempoh 24 bulan lagi dan siap dua tahun selepas itu.

"Kita telah mempunyai RM20 juta. Fasa kedua akan menelan kos kira-kira RM20 juta," katanya.

Kayveas yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata matlamat utama universiti itu ialah untuk melatih pekerja mahir dan kelayakan masuk adalah berdasarkan pengalaman kerja dan bukan akademik.

"Ia bukan universiti mencari untung...kita akan memastikan kos pendidikannya pada tahap minimum," katanya.

Kayveas berkata PPP akan memohon kepada Kementerian Pendidikan untuk mendapat kelulusan cadangan penubuhan universiti itu.

-- BERNAMA

AR MOZ